

Malaysia bantu Laos anjur seminar pelabur

Kerjasama diberi sejajar dasar Asean membantu ahli: PM

Oleh Shamshul Azree Samshir dan Hassan Omar

PUTRAJAYA: Malaysia akan membantu Laos menganjurkan seminar pelaburan di Kuala Lumpur bagi menggalakkan lebih banyak pelabur meluaskan kegiatan di negara itu serta meningkatkan kadar perdagangannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Kerajaan Laos menyatakan hasrat menganjurkan seminar pelaburan di Kuala Lumpur dan kerajaan sedia membantu.

"Saya fikir ia sejajar dasar Asean mesti membantu ahli yang ketika ini belum sampai ke tahap pembangunan seperti negara anggota lain.

"Laos, Kemboja dan Myanmar baru sertai Asean dan menjadi hasrat atau dasar Asean meningkatkan keupayaan pertubuhan ini," katanya selepas menerima kunjungan hormat Perdana Menteri Laos, Bouasone Bouphavanh diikuti mesyuarat delegasi di pejabatnya di sini, semalam.

Abdullah berkata, beliau mengalu-alukan kunjungan Bouphavanh di Malaysia dan ia memberi peluang kepada perbincangan dalam hubungan dua hala.

"Penekanan diberi kepada apa yang kita boleh buat untuk membantu Laos. Pembangunan modal insan subjek penting dalam agenda dua negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, lebih 500 pegawai dan kakitangan kerajaan Laos mengikuti program latihan anjuran kerajaan dan ia terbukti memberi faedah baik kepada negara itu.

"Saya gembira Bouphavanh menyatakan pegawai kerajaannya mendapat banyak faedah menerusi program itu," katanya.

Abdullah berkata, Malaysia juga mengalu-alukankan pelajar Laos melanjutkan pengajian di negara ini.

"Laos ada meminta bantuan dan kita menimbang permintaan mereka. Kita mengenal pasti institusi pengajian tinggi (IPT) yang boleh menerima pelajar dari Laos," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Laos kini berkembang baik dengan

kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencapai 7.3 peratus.

"Kita gembira Laos sebuah negara aman, stabil dan kerajaannya serius meningkatkan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Abdullah berkata, beliau juga menyatakan kepada Bouphavanh supaya menimbang permintaan pelabur negara ini untuk meluaskan kegiatan di Laos.

"Tetapi sudah tentulah ia bergantung kepada fakta bahawa mereka

mampu memberikan apa yang dimahukan Kerajaan Laos," katanya,

Sementara itu, ketika majlis malam meraikan lawatan kerja tiga hari, Bouphavanh di negara ini, di sebuah hotel terkemuka, di Kuala Lumpur malam tadi, Abdullah menggesa Laos memanfaatkan Sistem Kemudahan Bersepadu Asean (AISP) yang diperkenalkan empat tahun lalu, bagi meningkatkan perdagangan dua hala dengan Malaysia.

Perdana Menteri berkata; beriku-

tan kegagalan menggunakan sistem itu, Laos tidak menikmati keutamaan layanan diberikan Malaysia kepada 83 jenis produk perdagangan pertanian, perkayuan dan tekstil diberi status akses tarif percuma.

"Saya mencadangkan ahli perniagaan memanfaatkan AISP. Setakat ini, Laos belum memanfaatkannya. Laos belum mengeksport senarai barang berkenaan ke Malaysia, sekali gus tidak memperoleh manfaat AISP," katanya.